



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 9 FEBRUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 9 Februari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,887 kes** (196,566 kes kumulatif, 79.2%);
- Kes baharu : **2,764 kes** (248,316 kes kumulatif);
- Kes import : **6 kes** (3 warganegara; 3 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **2,758 kes** [1,850 warganegara (67.1%); 908 bukan warganegara (32.9%)];
- Kes aktif : **50,841 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **289 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **127 kes**; dan
- Kes kematian : **13 kes** (909 kes kumulatif , 0.37%)

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **862 kes (31.2 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **668 kes**

(77.5 peratus) adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **521 kes (18.8 peratus)** dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **422 kes (15.3 peratus)**.

Sebanyak **51 kes (1.8 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Tembok Sungai Udang (27 kes), Kluster Tembok Renggam (9 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (8 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (4 kes), dan Kluster Tembok Bukit Besi (3 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan enam (6) kes di Selangor, masing-masing dua (2) kes di Sabah, Sarawak, dan Johor, dan satu (1) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kesemua kes melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 9 Februari 2021;

- Jumlah kluster : **920 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **12 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **461 kluster** (termasuk **empat (4)** kluster yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Dewani, Kluster Iris, Kluster Tapak Bina Jalan Stesen, dan Kluster Kampung Baharu**);
- Jumlah kluster aktif : **459 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **93 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Industri Serkam (156 kes), Kluster Senai City Lapan (114 kes), dan Kluster Mayang Pasir (52 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **12 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan 11 kluster berkaitan tempat kerja dan satu (1) kluster melibatkan kumpulan berisiko tinggi.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Besi Cyber	Johor	Tempat Kerja
2	Senai City Lapan	Johor	Tempat Kerja
3	Jalan Parit Masjid	Johor	Tempat Kerja
4	Jalan Cyber 14	Johor	Tempat Kerja
5	Tapak Bina Persiaran Puteri	Selangor	Tempat Kerja
6	Industri Mahkota	Selangor	Tempat Kerja
7	Kejuruteraan Subang Baru	Selangor	Tempat Kerja
8	Jalan Budiman	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
9	Tapak Bina Jalan Pantai	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
10	Hulu Jerocco	Sabah	Tempat Kerja
11	Lengkok Emas	Negeri Sembilan	Tempat Kerja
12	Dialisis Masjid Tanah	Melaka	Kumpulan Berisiko Tinggi

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

9 Februari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 9 FEBRUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	862 (2)	80,442
SABAH	180	50,723
WP KUALA LUMPUR	422 (2)	29,940
JOHOR	521 (2)	27,655
NEGERI SEMBILAN	99	12,597
PULAU PINANG	119	9,269
PERAK	40	6,964
KEDAH	59	6,361
SARAWAK	111	5,871
MELAKA	203	5,343
KELANTAN	62	3,696
PAHANG	32	3,438
TERENGGANU	34	2,652
WP LABUAN	10	2,204
WP PUTRAJAYA	10	973
PERLIS	0	188
JUMLAH KESELURUHAN	2,764 (6)	248,316

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Kes positif 2,764 kes COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 9 Februari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 862 kes**

- 168 kes daripada kluster-kluster; termasuk 46 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Industri Mahkota, Kluster Kejuruteraan Subang Baru, dan Kluster Tapak Bina Persiaran Puteri;**
- 500 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 192 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 521 kes**

- 255 kes daripada kluster-kluster, termasuk 184 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Besi Cyber, Kluster Senai City Lapan, Kluster Jalan Parit Mesjid, dan Kluster Jalan Cyber 14;**
- 136 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 128 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 422 kes**
 - 66 kes daripada kluster-kluster, termasuk 22 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Pantai dan Kluster Jalan Budiman**;
 - 168 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
 - 186 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 203 kes**
 - 190 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Dialisis Masjid Tanah**;
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 180 kes**
 - 15 kes daripada kluster-kluster, termasuk sembilan (9) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Hulu Jerocco**;
 - 123 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 42 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 119 kes**
 - 73 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 16 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 30 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 111 kes**
 - 10 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 20 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 81 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 99 kes**
 - 29 kes daripada kluster-kluster, termasuk 22 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Lengkok Emas**;
 - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 56 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 62 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster sedia ada;
 - 39 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 59 kes**
 - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 17 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 30 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 40 kes**
 - 14 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 18 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 34 kes**
 - 11 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 32 kes**
 - 18 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 10 kes**

- Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Empat (4) saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 10 kes**

- Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 13 kes kematian pada 9 Februari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
897	125451	Sabah	Lelaki (WN)	74	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	-
898	129933	Selangor	Lelaki (WN)	49	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
899	173370	Sabah	Perempuan (WN)	78	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
900	175523	Sarawak	Perempuan (WN)	66	Hospital Sibul	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
901	179807	Sarawak	Lelaki (WN)	54	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi
902	210176	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Selayang	Penyakit darah tinggi dan buah pinggang kronik
903	218244	Johor	Perempuan (WN)	78	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
904	221126	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	54	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, darah tinggi, <i>Thalassemia</i> , buah pinggang kronik, dan strok
905	225884	Johor	Lelaki (WN)	80	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
906	228957	Selangor	Perempuan (WN)	71	Hospital Ampang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan gout
907	235176	Selangor	Perempuan (WN)	67	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buang pinggang kronik
908	243642	Selangor	Lelaki (WN)	78	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
909	243643	Selangor	Lelaki (WN)	79	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung

*WN merujuk kepada warganegara.

Perincian 12 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER TAPAK BINA PERSIARAN PUTERI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah tapak binaan di Persiaran Puteri, Taman Puchong, Petaling. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 320 individu telah disaring, di mana **28 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER KEJURUTERAAN SUBANG BARU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Kampung Subang Baru, Shah Alam, Petaling. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 196 individu telah disaring, di mana **15 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER INDUSTRI MAHKOTA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Langat di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 7 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah syarikat di Kawasan Perindustrian Mahkota, Pekan Sungai Manggis, Kuala Langat. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 1,536 individu telah disaring, di mana **21 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER SENAI CITY LAPAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai dan Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan I-Park Sac 8, Taman Perindustrian I-Park SAC, Senai, Kulai. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 318 individu telah disaring, di mana **114 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER BESI CYBER

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan

Cyber 5, Kawasan Perindustrian Senai, Kulai. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 136 individu telah disaring, di mana **28 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER JALAN PARIT MESJID

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Muar di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Parit Mesjid, Bukit Pasir, Muar. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 87 individu telah disaring, di mana **23 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER JALAN CYBER 14

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Cyber 14, Kawasan Perindustrian Senai IV. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 189 individu telah disaring, di mana **19 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER TAPAK BINA JALAN PANTAI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lembah Pantai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 8 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah tapak binaan di Jalan Pantai Permai, Pantai Dalam, Lembah Pantai. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 35 individu telah disaring, di mana **23 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER JALAN BUDIMAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-246618) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pengajian yang terletak di Jalan Budiman, Bandar Tun Razak, Cheras. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 11 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER DIALISIS MASJID TANAH

Kluster kumpulan berisiko tinggi ini melibatkan daerah Alor Gajah, Melaka Tengah, dan Jasin di Melaka serta daerah

Rembau di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-244703) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 8 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat dialisis di Masjid Tanah, Alor Gajah. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 100 individu telah disaring, di mana **22 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER HULU JEROCO

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kinabatangan di Sabah. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 29 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah ladang di Jalan Jerocco, Kinabatangan. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 29 individu telah disaring, di mana **kesemua kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER LENGKOK EMAS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 23 Januari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Lengkok Emas 1, Kawasan Perindustrian Nilai, Seremban. Sehingga 9 Februari 2021, sejumlah 130 individu telah disaring, di mana **55 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.